



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA KHAS MENANGANI KEMEROSOTAN KUALITI AIR SUNGAI KEBANGSAAN

PUTRAJAYA, 6 JUN 2024 – Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada hari ini.

Mesyuarat ini merupakan susulan keputusan YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Air Negara Kelima (MAN-5). Jawatankuasa Khas ini berperanan penting dalam memastikan langkah-langkah dan tindakan-tindakan pengurusan pelaksanaan strategi meningkatkan kualiti air sungai diambil secara bersepadu. Jawatankuasa ini juga akan bertindak sebagai platform perkongsian maklumat dan amalan terbaik berkaitan perkara-perkara yang boleh meningkatkan kualiti air sungai.

Kerajaan komited untuk meningkatkan kualiti air sungai dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Mesyuarat bersetuju supaya peranan dan kebersamaan semua Jabatan/ Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri bagi tindakan penguatkuasaan

mengikut bidang kuasa masing-masing ke atas punca-punca pencemaran dalam mensasarkan kualiti air sungai yang bersih demi kesejahteraan rakyat.

Jawatankuasa juga telah menekankan pemakaian pelan tindakan pengurusan lembangan sungai bersepadu (IRBM) sebagai '*management tools*' dalam membantu meningkatkan kualiti air sungai. Kerjasama pelbagai pihak daripada kerajaan Negeri, kerajaan Persekutuan, swasta serta 'NGO' diperlukan dalam menjayakan pelan tindakan IRBM secara holistik untuk menjamin kemampanan dan keterjaminan sumber air negara.

Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah membangunkan "Sistem Pintar Artificial Intelligence (AI) Bagi Penarafan dan Pengelasan Kedudukan Sungai-Sungai di Malaysia (AIR3S)". AIR3S boleh digunakan di lembangan sungai negara oleh semua pihak berkepentingan dalam pemantauan meningkatkan kualiti air sungai.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah turut berkongsi pengalaman dan tindakan meningkatkan kualiti air Sungai Juru berdasarkan langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang.

Mesyuarat JKKAS pada hari ini turut memutuskan supaya satu bengkel akan dianjurkan melibatkan semua pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta NGO yang berkaitan, untuk memperincikan tindakan bersepadau, pemantauan, penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran dalam usaha meningkatkan kualiti air sungai.

Mesyuarat JKKAS telah dihadiri oleh Timbalan Premier Sarawak, YB Datuk Amar Dr Sim Kui Hian, Menteri Pembangunan Perindustrian & Keusahawanan Sabah, YB Datuk Phoong Jin Zhe, exco-exco berkaitan air, Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan, serta Badan-badan kawal selia air Negeri. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bertindak sebagai urus setia.

DATO' SRI FADILLAH YUSOF

**TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

6 JUN 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

